

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**  
**[ BATU PAHAT ]**  
**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015**  
**SOALAN :**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dilakukan bagi menjadikan Parlimen sebuah institusi yang dipersepsi rakyat sebagai sebuah institusi berwibawa dan tidak hanya sebagai instrument kepada kehendak pihak Eksekutif .

**JAWAPAN: YB. DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha dan cadangan penambahbaikan pengurusan Parlimen dan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah diambilkira dan dipertimbangkan. Pada masa ini, cadangan-cadangan penambahbaikan berkenaan sedang diteliti dan diperhalusi di peringkat Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat.

Kerajaan akan sentiasa memberikan sokongan dalam memastikan perancangan dan cadangan ke arah penambahbaikan ini dapat dilaksanakan selaras dengan fungsi Parlimen sebagai institusi perundangan Negara.

Sekian, terima kasih.